

27 JAN 2003

UMNO SABAH SETUJU PANDANGAN DR M MENGENAI TAWARAN UNDUR DIRI

KOTA KINABALU, 27 Jan (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Musa Aman berkata Umno Sabah bersetuju dengan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ia merupakan langkah baik jika wakil Umno yang dipilih menawarkan diri untuk berundur bagi memberi kebebasan kepada Timbalan Perdana Menteri untuk membentuk barisannya sendiri bagi pilihan raya umum akan datang,

Semalam Perdana Menteri berkata tawaran oleh beberapa pemimpin Umno untuk mengundurkan diri bagi membolehkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memilih barisannya merupakan langkah positif bagi membolehkan penggantinya membuat penyusunan.

"Apa yang Perdana Menteri katakan ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi patut diberi hak untuk memilih mereka yang dirasakan boleh berkhidmat kepada parti dan negara dengan baik kerana beliau (Abdullah) akan emnggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri," katanya.

Musa berkata kenyataan Dr Mahathir itu dibuat dengan ikhlas dan tidak perlu dipertikaikan.

"Ia merupakan kenyataan yang dibuat dengan niat baik dan patut diterima dengan positif oleh semua anggota. Perkara paling penting ialah kita perlu menerima hakikat bahawa jawatan parti atau lantikan politik bukannya kekal.

"Kita perlu bersedia untuk memudahkan pucuk pimpinan untuk menjayakan perjuangan parti," katanya.

-- BERNAMA

JS RHM